




SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 04 Zulhijjah 1443 / 04 Julai 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam adalah stabil pada kadar purata kira-kira 1370 kes setiap hari. Sebanyak 63,125 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 15.1% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Jumlah kes di dalam Kategori 4 dan 5 terus berada di tahap yang rendah. Pada hari ini, sebanyak **3 kes** berada di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **3 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sepertimana dalam masa minggu-minggu sebelum ini, lebih 99% daripada kes-kes yang dikesan dalam masa satu minggu kebelakangan telah dikategorikan di dalam Kategori 1 atau 2 dan tidak memerlukan rawatan di hospital.

- iii) Sehingga kelmarin, 3 Julai 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut,
- **73.3%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin manakala **2.9%** juga telah mendapatkan dos keempat;
 - Sebanyak **75.7%** daripada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun telah mendapatkan dos kedua vaksin;
 - Manakala **50.3%** remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah mendapatkan dos ketiga vaksin.
2. Orang ramai adalah diingatkan untuk memuatnaik keputusan ujian ART, samada positif atau negatif ke aplikasi *BruHealth* untuk membantu Kementerian Kesihatan memantau situasi jangkitan.
3. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 04 Zulhijjah 1443H / 04 Julai 2022